

SunCon teroka pasaran Myanmar

KUALA LUMPUR 2 April - Sunway Construction Group Berhad (SunCon) meneroka pasaran Myanmar menerusi perkongsian strategik dengan Capital Construction Ltd. (CCL) yang berpangkalan di Yangon bagi membida projek-projek utama.

SunCon dalam kenyataan bersama berkata, anak syarikat milik penuh tidak langsungnya, Sunway Builders (Myanmar) Co. Ltd. menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan CCL yang merupakan anggota firma konglomerat terkemuka Myanmar, Capital Diamond Star Group (CDSG) bagi tujuan kerjasama dan perkongsian kepakaran.

Katanya, kedua-duanya merancang untuk bersama-sama

SUNWAY®
CONSTRUCTION

membida projek berpotensi yang dibangunkan oleh CDSG seperti pembangunan bercampur, pejabat, hotel, hospital di Yangon dan Mandalay serta projek infrastruktur luar.

“MoU ini membolehkan kedua-dua syarikat berkongsi pengetahuan dan kepakaran pembinaan dalam pengurusan projek untuk melaksanakan strategi berkesan bagi pembangunan projek,” katanya di sini hari ini.

Tambah syarikat itu, ekonomi Myanmar merupakan antara yang pesat membangun di Asia dengan

industri pembinaan yang pantas berkembang dan dijangka kekal kukuh pada masa depan susulan kerajaan sedang mengenal pasti isu-isu utama berkaitan infrastruktur.

Menurutnya, kemasukan pelaburan asing ke Myanmar bakal memberikan dorongan ekonomi yang positif terhadap negara itu.

“Perkongsian strategik ini bukan sahaja memacu pertumbuhan perniagaan untuk SunCon, malah kepada industri pembinaan di Myanmar. Kerjasama ini juga merupakan langkah ke hadapan untuk CCL dan Sunway Builders (Myanmar) menjadi peneraju pasaran di sana,” katanya.

SunCon merupakan sebahagian daripada syarikat konglomerat

Sunway Group dengan aktiviti utama dalam sektor hartanah, pembinaan, kesihatan dan pendidikan serta perniagaan lain merentasi 50 lokasi di seluruh dunia.

CDSG adalah syarikat konglomerat Myanmar yang menjalankan perniagaan dalam sektor makanan, peruncitan, pembangunan hartanah, pembinaan, kesihatan, perbankan, insurans dan pembiayaan mikro.

Sementara itu, CCL berjaya melaksanakan beberapa projek terkemuka di Myanmar antaranya jejambat Kokkhine, kondominium GEMS Garden, kilang pemasangan automotif dan bilik pameran, kilang pengeluaran, universiti dan sekolah.